



JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

E BULETIN 2023 JANUARI - JUN

J K M T S



Jabatan Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia Rasmi



<https://jtksm.mohr.gov.my/>

E-BULETIN



JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

OPERASI YBM TUAN V.SIVAKUMAR BERSAMA JTKSM DI KLANG, SELANGOR

‘Kebajikan para pekerja tidak kira tempatan mahupun asing akan terus dipelihara. Malah keharmonian industri perburuhan juga akan terus diperkasa’



petikan kenyataan media YB Tuan V. Sivakumar, Menteri SUMber Manusia ketika mengetuai Operasi Bersepadu Khas Penguatkuasaan Akta 446 pada 25 Januari 2023 di Klang Selangor



Jabatan Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia Rasmi



<https://jtksm.mohr.gov.my/>

ARTIKEL 1

KES BURUH

OLEH

Syerin Erna Binti Majid, Jabatan Tenaga
Kerja Negeri Pulau Pinang



JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, Mahkamah adalah sebuah tempat membicarakan kes undang-undang. Ia adalah dewan atau majlis pengadilan. Ia juga ditafsirkan sebagai perusahaan atau badan yang menyelesaikan pertikaian buruh. Mahkamah Buruh merupakan satu mekanisme pengadilan di bawah Jabatan Tenaga Kerja untuk menyelesaikan tuntutan atau pertikaian antara pekerja dengan majikan di mana objektifnya adalah untuk menyelesaikan setiap tuntutan atau pertikaian antara pekerja dan majikan dengan cepat, mudah dan murah.

Perbincangan / Analisis.

Pegawai di JTK bukan sahaja mengendalikan tuntutan kes buruh semata-mata sebaliknya JTKSM menguatkuasakan 15 buah akta dan penguatkuasaan kesemua akta ini turut menjadi tanggungjawab pegawai sama yang mengendalikan kes buruh di mahkamah buruh. Kes buruh adalah perkhidmatan teras JTKSM namun ia seolah-olah telah dilupakan atau dipinggirkan.

Fokus dan perhatian jabatan seringkali berubah setiap kali terdapat isu atau portfolio baharu yang diketengahkan serta tugas adhoc yang tidak dijangka. Amat dukacita apabila tumpuan diberikan kepada pencapaian berdasarkan statistik dan penyelesaian kes dalam tempoh minimum tanpa mengambilkira kompleksiti sesuatu kes serta kekangan pegawai pendengar. Sistem ELC yang dibangunkan juga tidak banyak membantu meringankan beban pegawai pendengar kes. Berdasarkan maklumat LMD setakat April 2022 melibatkan kedua dua PTK di Pulau Pinang, ada kes-kes yang mengambil masa yang singkat dan ada pula yang mengambil masa lebih 90 hari dan melebihi 365 hari untuk diselesaikan.





JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

Cadangan Penambahbaikan

Satu inovasi telah diperkenalkan oleh Badan Kehakiman Malaysia dalam membangunkan proses kerja dan pengendalian prosiding mahkamah. Sistem yang dikenali sebagai e-Kehakiman adalah sebuah inovasi digital dalam usaha memperkasakan sistem kehakiman selaras dengan pelaksanaan e-Government.

Antara perkhidmatan sistem e-Filing (EFS) adalah seperti Case Management System (CMS) dan Queue Management System (QMS) serta sistem yang membolehkan prosiding Mahkamah direkodkan secara audio-visual melalui Court Recording System (CRT).

Operasi Mahkamah telah beralih sepenuhnya daripada manual kepada sistem digital. Sistem digital ini turut diintegrasikan dengan sistem teras di pelbagai agensi seperti sistem COPS (PDRM), MySikap (JPJ), dan sebagainya.

Pada tahun 2018, sistem e-Kehakiman telah membuka ruang baru untuk pembaharuan di mana beberapa prosiding Mahkamah dijalankan secara maya meliputi e-Review, e-Appellate di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan dijalankan secara sidang video. Mahkamah Perusahaan di bawah Kementerian Sumber Manusia kita sendiri telah mengadaptasikan sistem e-kehakiman yang lebih moden.

Mahkamah buruh juga perlu menjalani transformasi seiring dengan peredaran zaman. Hakikatnya Mahkamah Buruh adalah sebuah tribunal dan bukannya sebuah mahkamah perundangan namun penyampaian perkhidmatan tuntutan kes buruh memerlukan pembaharuan dan naik taraf seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Amat menyedihkan apabila peneraju utama kecemerlangan pentadbiran perburuhan sektor swasta yang mempunyai visi untuk memperkasakan pentadbiran perburuhan demi meningkatkan kebajikan warga pekerja dan kepentingan majikan hanya memfokuskan penguatkuasaan undang undang semata-mata. Mahkamah buruh juga seolah-olah tidak dikenali ramai kerana tidak diberi perhatian yang sewajarnya.

Contoh mudah transformasi di dalam Kementerian Sumber Manusia sendiri adalah Mahkamah Perusahaan yang juga merupakan sebuah tribunal.

Krisis pandemik Covid-19 yang menyerang seluruh dunia telah menyebabkan transformasi digital mengambil tempat lebih cepat daripada apa yang dijangkakan. Era digital ini bukan sahaja untuk mereka yang 'born digital', realiti masyarakat Malaysia hari ini tanpa mengira peringkat umur sedang menuju ke arah itu.

Ia berikutan kesan pandemik Covid-19 yang telah membataskan banyak aktiviti secara bersemuka dan menjadikan Internet dan ruang digital satu-satunya platform untuk masyarakat terus kekal berhubung, bekerja dan menjalankan pelbagai aktiviti lain.





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA



Melalui gambar di atas kita dapat lihat Mahkamah Perusahaan yang dilengkapi dengan komputer dan 'court recording system'.

Perbezaan pengendalian kes di Mahkamah buruh dengan Mahkamah sivil dan jenayah mahupun Mahkamah Perusahaan adalah amat ketara. Pegawai pendengar kes di Jabatan Tenaga Kerja masih perlu merekodkan kenyataan di mahkamah secara bertulis sedangkan era digital sudahpun membangun dengan pesat dan apa yang nyata adalah kita jauh ketinggalan.

Di Mahkamah sivil dan jenayah, sistem e-filing diperkenalkan dengan hasrat antaranya mengurangkan ruang simpanan fail dan juga tenaga kerja. Ia juga dilihat sebagai solusi kepada pemalsuan dokumen.

Selain itu, kemudahan pemfailan kes secara atas talian dapat mewujudkan 'paperless office'. Akses kepada dokumen juga dapat dipercepatkan dan ini membantu melancarkan perjalanan perbicaraan kes.

Inovasi yang telah diperkenalkan ini, memberi ruang kepada peguamcara dan peguambela untuk memfailkan dokumen di Mahkamah pada bila-bila masa dengan hanya berbekalkan komputer dan akses internet tanpa perlu berkejar ke Mahkamah.

Pelaksanaan sistem EFS dalam membantu mempercepatkan pelupusan kes di Mahkamah juga telah diiktiraf oleh Bank Dunia melalui 'World Bank Report -Court Backlog and Delay Reduction Program: A Progress Report' pada tahun 2011.





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

Kesimpulan

Mahkamah samada perundangan ataupun sekadar tribunal adalah sebuah tempat yang amat penting untuk dipelihara bagi memastikan prosiding mahkamah dapat dijalankan dengan sistematik, lancar dan seterusnya keadilan dapat dilaksanakan. Walaubagaimanapun, amat penting untuk membawa transformasi yang bersesuaian mengikut peredaran masa dan teknologi agar memudahkan pegawai pendengar dan juga semua pihak yang berkaitan. Ini mencerminkan profesionalisma dan mutu serta tahap perkhidmatan jabatan.

Prestasi kerja seseorang adalah tonggak kepada pencapaian matlamat sesebuah organisasi. Prestasi kerja juga banyak bergantung kepada keadaan emosi dan motivasi diri seseorang. Dukacita apabila jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk melindungi kepentingan dan memajukan kebajikan masyarakat industri seolah-olah tidak memberikan perhatian yang sewajarnya kepada permasalahan dan kebajikan pegawai pendengar kes.

Tiada maknanya berlumba-lumba untuk menunjukkan kehebatan melalui bilangan akta yang dikuatkuasakan, bilangan portfolio yang disandang serta mencari sensasi media sedangkan pegawai yang melaksanakan kerja di lapangan terkapai-kapai dan hampir lemas demi menggalas tanggungjawab dan menjalankan amanah kerja.

Kepuasan penyampaian sesuatu perkhidmatan kepada orang berkepentingan tidak seharusnya dinilai dan diukur berdasarkan kuantiti dan formula semata-mata sebaliknya berlandaskan mutu dan kualiti sesuatu perkhidmatan yang diberikan.

Rujukan

1. Labour Market Database (LMD)
2. Laman web JTKSM
3. Garis Panduan Dan Proses Kerja Kes Buruh - JTKSM
3. Sistem e-Kehakiman (EFS)
4. Sistem ELC
5. 'Pendigitalan mahkamah, mudahkan proses keadilan', Januari 21, 2020 Berita Harian.
6. Google






JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

LAWATAN YBHG. DATO' SERI KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA KE JTKSM

YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Bin Ujang telah mengadakan lawatan muhibah ke JTKSM pada 12 Jun 2023. Turut hadir bersama dalam lawatan adalah YBhg. Dato' Hajah Norison Binti Ramli, Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi) KSM

Lawatan Kerja ini adalah bertujuan untuk YBhg. Dato' Seri KSU melihat sedikit tugas dan fungsi jabatan di bawah KSM



Jabatan Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia Rasmi



<https://jtksm.mohr.gov.my/>

ARTIKEL 2



JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

KESAN PERUNDANGAN KHAS KE ATAS BANGUNAN YANG DIWARTAKAN DIBAWAH AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645) DAN IMPAKNYA UNTUK PENGGUNAAN SEBAGAI BANGUNAN PENGINAPAN OLEH MAJIKAN BAWAH AKTA 446 DI MELAKA DAN PULAU PINANG

PENDAHULUAN

Dalam melihat sesuatu peruntukan akta sebagai alat atau sumber penguatkuasaan, terutamanya Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), tiada sumber yang lebih jelas melainkan mengambil secara praktikal apa yang diniatkan oleh parlimen untuk Akta tersebut. Ini terpakai kepada Akta 446 serta Akta 645 dan kita tidak boleh lari dari tanggungjawab sebagai pelaksana kerana hanya Mahkamah yang diiktiraf dan diberi kuasa membuat terjemahan undang-undang ke atas mana-mana peruntukan Akta termasuklah Akta 446 dan Akta 645.

Akta 446 telah diterjemah secara rasmi oleh Mahkamah Tinggi sepertimana yang diputuskan oleh Hakim Mokhtar Sidin di dalam kes Perwaja Steel Iwn Majlis Daerah Kemaman. Di dalam kes ini, Mahkamah telah memakai prinsip “Generalia Specialibus Non Derogant” apabila menafsirkan Akta 446 sebagai Akta Khas berbanding Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) yang turut diguna pakai Majlis Daerah Kemaman ketika itu. Fungsi Jabatan Buruh ketika itu telah dinyatakan dengan jelas sebagai mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perakuan menduduki mengambil kira Perwaja Steel telah menyiapkan perumahan untuk pekerjaannya dan Majlis Daerah Kemaman pula telah bertindak menegaskan di dalam kes tersebut bahawa perakuan menduduki adalah dalam bidang kuasa mereka kerana perumahan masih berada dalam kapasiti bangunan, yang merupakan bidang kuasa mutlak mereka selaku pihak berkuasa tempatan (PBT). Mahkamah memutuskan

dengan mengambilkira maksud Akta 446 sebagai Akta Khas kerana perumahan adalah untuk pekerja, dan dengan itu ianya bangunan yang berada di bawah kuasa khas Jabatan Buruh dan bukannya Akta 172 sebagai Akta Am. Walau apa pun, isu ini diputuskan tanpa melihat lebih lanjut, sama ada perumahan pekerja Perwaja Steel tersebut berada atas tanah ladang atau tidak. Namun, walau apa sekalipun, prinsip ini masih lagi mengikat mahkamah bawahan selagi tidak diakas oleh Mahkamah yang sama hierarki atau Mahkamah yang lebih tinggi (Doktrin Prinsip Undang-Undang Mengikat atau “Stare Decisis”) dan sehingga sekarang, sudah pasti prinsip yang sama terpakai dan mengikat sebagai sebahagian dari bidang kuasa JTKSM.





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANJUNG MALAYSIA

KONTEKS AKTA 645 DAN KESAN PERUNDANGANNYA

Mengambil kira konteks ini, terdapat juga majikan di luar sana terutama yang berada di Pulau Pinang dan Melaka mengambil inisiatif menyewa bangunan yang diwartakan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Sudah pasti hak menyewakan bangunan tertakluk kepada pemilik bangunan tersebut (kebanyakannya memiliki secara warisan) kepada penyewa (majikan) sebagai penginapan pekerja mereka atau pemilik bangunan meletakkan pekerja mereka sendiri di dalam bangunan yang diwartakan bawah Akta 645 ini. Oleh kerana tiada mana-mana peruntukan dalam Akta 645 yang melarang bangunan yang diwartakan bawah Akta 645 disewa sebagai penginapan, maka sudah pasti pemilik bangunan boleh menggunakan haknya dari segi kontrak / ekuiti untuk menyewakan bangunan tersebut sebagai penginapan secara bertempoh.

Persoalannya adalah, Akta 446 juga tidak melarang penggunaan bangunan yang diwarta bawah Akta 645, maka mengambil kira bangunan tersebut telah diwartakan di bawah Akta 645, bolehkah Akta 645 dianggap sebagai Akta Khas berbanding Akta 446 dimana Akta 446 pula yang dianggap sebagai Akta Am memakai semangat prinsip perundangan Perwaja Steel Iwn Majlis Daerah Kemaman?

Jika ya, adakah ini bermakna Akta 645 mengatasi Akta 446 dalam status bangunan itu yang telah diwartakan, menjadikan bangunan tersebut akan dianggap sebagai bangunan asal secara undang-undang, walaupun struktur dalaman asal telah diubah atau ditambah baik menjadi selain dormitori secara pentadbiran, walaupun Akta 446 melalui s.24H hanya meletakkan kuasa pengesahan penginapan boleh diduduki sebagai dormitori mahupun selain dormitori kepada PBT semata-mata?

Untuk makluman, hanya PBT sahaja boleh mengesahkan status bangunan sebagai boleh diduduki atau tidak di bawah s.24H yang jelas melepaskan kuasa tersebut kepada PBT, manakala rumah ladang masih lagi terikat kepada keputusan Mahkamah dalam kes Perwaja Steel Iwn Majlis Daerah Kemaman.

Walaupun begitu, adakah Akta 645 sekali lagi memberi kuasa undang-undang mengekalkan bangunan yang diwartakan dibawah Akta ini dengan status yang sama iaitu bukan dormitori walaupun PBT masih mempunyai kuasa pengesahan tersebut mengikut Akta yang dikuatkuasakannya yakni Akta Parit Jalan dan Bangunan (Akta 133)?

Jika status bangunan itu dikekalkan di bawah Akta 645, maka anggapan undang-undang mengenai kapasiti di bawah Peraturan 5, P.U.A 250 juga perlu selari dan menganggap kiraan kapasiti hendaklah sentiasa dikira mengikut kadar pembolehubah 3.0. Bukan itu sahaja, malah keterikatan Akta 446 dan 133 tidak boleh mengatasi Akta 645 apabila status bangunan yang diwartakan bawah Akta 645 sebagai kekal dan membawa bersama anggapan kekal tersebut mengatasi kesemua kapasiti mengikut undang-undang yang diperuntukkan oleh Akta 446 dan 133 meminjam prinsip perundangan Perwaja Steel sebelum ini.





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

STATUS BANGUNAN DAN IMPAK-IMPAK PERUNDANGAN

Secara langsungnya, status bangunan mungkin dianggap sesuatu yang remeh, namun apabila status bangunan mencerminkan kapasiti, ianya selari dengan pemakaian prinsip pemilikan yang diguna pakai oleh Pejabat Tanah dan Daerah atau Pejabat Tanah dan Galian iaitu prinsip "Torrens System" yang telah sebatikan dengan Kanun Tanah Negara sehingga sekarang. Status bangunan atau tanah tertakluk kepada geran pemilikan yang dikeluarkan, maka ianya akan terlihat diatas geran tersebut sepertimana amalan dan perundangan terkini kerana pemilikan tanah atau bangunan berdasarkan sistem pendaftaran "Torrens System" yang dipinjam dari sebuah wilayah di Australia dan diamalkan oleh semenanjung Malaysia sehingga sekarang. Maka Akta 645 sudah pasti turut jua terpakai kerana di dalam Kanun Tanah Negara, tiada peruntukan khas berhubung status tanah atau bangunan jika diwartakan bawah Akta 645, maka sudah pasti status bangunan tersebut akan mengatasi dan membawa bersama impak perundangan ke atas Kanun Tanah Negara

KESIMPULAN

Jika ini berlaku, apa yang boleh dianjurkan agar kelompangan Akta 446 selaku Akta Khas dapat selari dengan Akta 645, sudah pasti tidak lain dan tidak bukan adalah melakukan pindaan yang bersesuaian dengan status 446 selaku Akta Khas. Walau apa pun, itu berbalik kepada ibu pejabat sama ada memperkasakan status 446 membawa bersama impak-impak perundangan yang perlu dilihat secara holistik, dan antaranya status terkini perundangan melibatkan Akta 133, Kanun Tanah Negara, Akta 645 serta Akta-Akta lain juga, kerana kesemua Akta-Akta ini telah dipinda dan berlainan dari tujuan Akta 446 sebagai Akta Khas.

Di peringkat daerah dan Negeri, peruntukan Akta 446 dikuatkuasakan tetapi dalam setiap masa, ianya tertakluk kepada punca kuasa yakni Akta-Akta yang ada yang dikuatkuasakan oleh pelbagai agensi termasuklah Akta 645. Berkemungkinan, tiada jalan lain selain mewujudkan jawatankuasa yang sesuai di peringkat ibu pejabat untuk mengkaji dan meneliti semula Akta-Akta lain yang terkesan mahupun mempunyai impak perundangan terhadap Akta 446 sendiri.

Wallahualam Bissawa

RUJUKAN :

1. Keputusan Kes Mahkamah oleh Hakim Mokhtar Sidin di dalam Kes Perwaja Steel Sdn Bhd & 1 lagi lwn Majlis Daerah Kemaman [1994] 2 CLJ 504;
2. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645);
3. Akta Standard Minimum Penginapan, Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446);
4. Kanun Tanah Negara;
5. Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172);
6. Akta Parit Jalan dan Bangunan (Akta 133).

Garapan oleh :

AHMAD JAZIM BIN SAMSUDIN

PEGAWAI TENAGA KERJA

PEJABAT TENAGA KERJA MELAKA





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANJUNG MALAYSIA

SEMINAR : DISKRIMINASI DALAM PEKERJAAN AKTA KERJA 1955(PINDAAN) 2022 SEKSYEN 69F



Seminar ini telah berlansung di PICC pada 19 Jun 2023 dan menyaksikan kolaborasi dengan pihak ILO Bangkok, Thailand

Pihak ILO sudi hadir dan berkongsi sedikit sebanyak tentang isu-isu Diskriminasi dalam Pekerjaan



Jabatan Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia Rasmi



<https://jtksm.mohr.gov.my/>

ARTIKEL 3

SISTEM PENGURUSAN AGENSI PEKERJAAN SWASTA (APS)



JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

Disediakan Oleh :

Siti NorazianBinti Khalib

Jabatan Tenaga Kerja W.P. Kuala Lumpur

PENGENALAN

Agensi Pekerjaan Swasta (APS) bermaksud suatu pertubuhan perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 (Akta 777) dan diberikan lesen di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] untuk menjalankan aktiviti merekrut. APS dikawal selia oleh JTKSM melalui Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Pindaan 2017) bagi memastikan segala aktiviti yang berkaitan dengan rekrutmen yang dijalankan oleh APS dilaksanakan secara sah demi menjaga kepentingan pencari kerja dan majikan.

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 telah dipinda dan telah dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) termasuk Sabah dan Sarawak mulai 1 Februari 2018. Sebelum pindaan 2017, Akta 246 hanya memperkenalkan dua (2) jenis lesen iaitu lesen bagi penempatan pencari kerja di dalam Malaysia dan Kebenaran Endorsan bagi penempatan pencari kerja di luar negara. Berbeza dengan pindaan terkini, kategori lesen yang perlu dipohon adalah bergantung kepada jenis aktiviti perekrutan yang ingin dijalankan seperti mana Jadual 1 di bawah :





JABATAN TENAGA KERJA
SEMENANJUNG MALAYSIA

Bil.	Kategori Lesen	Jenis Aktiviti Yang Dibenarkan	Jumlah Modal Berbayar (RM)	Jumlah Wang Jaminan (RM)
1	Lesen A	untuk merekrutkan pekerja warganegara bagi penempatan di dalam Malaysia	50,000.00	5,000.00
2	Lesen B	untuk merekrut pencari kerja warganegara bagi penempatan pekerjaan di dalam dan di luar Malaysia serta perkhidmatan domestik asing di dalam Malaysia	100,000.00	100,000.00
3	Lesen C	untuk merekrut dan menempatkan para pencari kerja warganegara di dalam dan di luar Malaysia serta menempatkan pekerja bukan warganegara termasuk pekhidmat domestik asing di dalam pekerjaan dengan para majikan dalam negara	250,000.00	250,000.00

ANALISA SENARIO SEMASA APS BERDAFTAR DI MALAYSIA

Sehingga Mac 2022, jumlah APS yang berdaftar di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) adalah sebanyak 890 Agensi di mana pecahannya adalah sepertimana Jadual 2 di bawah:





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

Merujuk Jadual 2 di atas, secara keseluruhan, hanya 180 (20.22%) APS berdaftar dengan JTKSM dalam kategori A, berbanding 255 (28.65%) dan 455 (51.12%) masing-masing dalam kategori B dan C. Selangor menyumbang peratusan tertinggi dan diikuti dengan Kuala Lumpur.

Daripada jumlah keseluruhan APS yang berdaftar di Selangor dan Kuala Lumpur, masing-masing hanya 70 (20.78%) dan 61 (25.63%) dalam kategori A.

Peratusan tertinggi adalah dalam kategori Lesen C iaitu sebanyak 161 (47.78%) (Selangor) dan 129 (54.20%) (Kuala Lumpur). Tiada APS dalam kategori A berdaftar di negeri Kelantan, Labuan, Perak, Perlis dan Terengganu.

BIL.	NEGERI	KATEGORI LESEN			JUMLAH
		A	B	C	
1	JOHOR	22	45	54	121
2	KEDAH	5	6	13	24
3	KELANTAN	0	3	0	3
4	KUALA LUMPUR	61	48	129	238
5	LABUAN	0	0	1	1
6	MELAKA	4	5	15	24
7	NEGERI SEMBILAN	1	5	14	20
8	PAHANG	3	12	15	30
9	PERAK	0	0	4	4
10	PERLIS	0	0	1	1
11	PULAU PINANG	14	24	47	85
12	SELANGOR	70	106	161	337
13	TERENGGANU	0	1	1	2
JUMLAH KESELURUHAN		180	255	455	890



CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM PENGURUSAN APS

Sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab mengawalselia APS di Malaysia, satu sistem pengurusan APS perlu dibangunkan. Secara asasnya, sistem ini perlu merangkumi sekurang-kurang tiga (3) fungsi utama seperti mana berikut :

i. Proses Permohonan (Merangkumi Semua Jenis Permohonan)

Semua permohonan yang diuruskan secara manual, boleh dielektronikkan bagi memudahkan prosesnya. Pihak Agensi perlu membuat permohonan secara atas talian dan memuatnaik semua dokumen yang diperlukan dengan lengkap termasuk resit bayaran fi proses yang dibuat secara atas talian, sebelum lawatan pemeriksaan premis di buat oleh pegawai pemeriksa. Dengan itu, pegawai di pejabat negeri / cawangan tidak lagi perlu menghantar dokumen permohonan ke ibu pejabat untuk proses selanjutnya. Proses ini dilihat lebih telus memandangkan pihak ibu pejabat boleh turut menyemak dokumen permohonan tersebut tanpa perlu merujuk kepada pegawai dari pejabat negeri.

ii. Portal Pangkalan Data / Direktori APS Yang Berdaftar Di Bawah JTKSM

Portal / direktori ini akan membolehkan sesiapa sahaja mengakses maklumat APS yang berdaftar / berlesen di bawah JTKSM dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan mengikut kategori lesen. Ia penting sebagai jaminan bahawa hanya Agensi berlesen sahaja mempunyai autoriti melaksanakan aktiviti rekrutmen dan secara tidak langsung akan menyukarkan agensi-agensi haram (tidak berlesen) untuk beroperasi dan seterusnya berupaya melumpuhkan agensi haram tanpa perlu tindakan penguatkuasaan oleh pihak Jabatan. Pihak Jabatan hanya perlu mempromosikan / menggesa orang awam agar memilih menggunakan perkhidmatan APS berdaftar dalam portal berkenaan sahaja bagi mengelakkan dari ditipu. Pada masa kini, senarai Agensi yang berdaftar ada dipaparkan di dalam laman web JTKSM dalam bentuk Portable Document Format (PDF) yang dilihat sangat tidak praktikal.



JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

Selain itu, pada masa kini terdapat terlalu banyak platform 'job portal' yang mengiklankan kekosongan jawatan di media sosial seperti 'hyred', 'monster', 'project deep', 'linkedin', 'maukerja'. 'Job portal' ini telah menjadi pemberi maklumat utama kepada pencari kerja. Malah pihak majikan sendiri cenderung menggunakan platform ini bagi mengiklankan kekosongan jawatan bagi mendapatkan pekerja. Walau bagaimanapun, kebiasaannya tiada maklumat 'provider' dipaparkan dalam 'job portal' berkenaan. Situasi ini bukan sahaja menyebabkan orang awam malah pihak Jabatan sendiri sukar untuk mengenalpasti sama ada 'provider' 'job portal' berkenaan mempunyai lesen yang sah atau sebaliknya. Oleh itu, portal pangkalan data yang dicadangkan ini juga diharapkan boleh menjadi platform khusus untuk orang awam menyemak sama ada 'job portal' yang wujud, disediakan oleh Agensi berdaftar atau sebaliknya.

Portal ini juga seharusnya bersifat interaktif di mana orang awam boleh turut membuat aduan terus kepada pihak Jabatan berhubung salah laku mana-mana APS.

iii. Sistem Pelaporan Daftar Rekod-rekod Pendaftaran Pencari Kerja, Pendaftaran Majikan, Kekosongan Jawatan, Pungutan Fi dan Penempatan Pekerja Di bawah Seksyen 19 (1) Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981

Rekod-rekod seperti mana di atas amat perlu untuk dilaporkan di dalam satu sistem khusus secara sistematik. Ini bukan sahaja memudahkan pihak Agensi, tetapi akan memudahkan pihak Jabatan mendapatkan data penempatan pekerja tempatan dan pekerja asing yang telah dibuat oleh pihak Agensi bagi tujuan analisa dan kajian pasaran buruh semasa.

Selain itu, merujuk kepada Garis Panduan Berhubung Prosedur Pelesenan Di Bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, yang dikeluarkan oleh JTKSM pada 15 Januari 2018, ada dinyatakan bahawa "Ketua Pengarah boleh, membaharui atau menolak untuk membaharui lesen itu selepas memberi pertimbangan kepada permohonan memperbaharui lesen dan mengambilkira mata merit / demerit penempatan pekerja tempatan dan pekerja asing". Jika pelaporan dibuat melalui sistem ini oleh pihak APS sendiri, jumlah mata merit / demerit berkenaan akan dapat dijana dengan mudah. Perkara ini juga penting bagi memastikan Agensi yang mempunyai Lesen B dan C turut membantu dalam penempatan pekerja tempatan. Tambahan lagi, merujuk kepada Jadual 2 di atas, Agensi yang mempunyai lesen kategori C adalah tertinggi iaitu 455 (51.12%) dengan





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

diikuti oleh kategori B sebanyak 255 (28.65%) berbanding kategori A yang didaftarkan hanyalah 180 (20.22%). Tanpa sistem mata merit / demerit ini, dikhuatiri Agensi yang mempunyai lesen kategori B dan C tidak mempunyai inisiatif dalam membuat penempatan pekerja tempatan.

KESIMPULAN

Dengan kadar pengangguran sebanyak 4.1% (669.2 ribu) sehingga Mac 2022 sepertimana yang dilaporkan dalam Laporan Tenaga Buruh Malaysia, Mac 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, peranan APS dalam bersama membantu meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh Malaysia juga adalah penting. Pada masa yang sama segala kekurangan maklumat dan kesedaran awam mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh APS harus diberi perhatian dengan menyediakan mekanisme yang bersesuaian oleh pihak Jabatan selaku agensi kawal selia termasuklah cadangan mewujudkan Sistem Pengurusan APS bagi memudahkan rujukan semua pihak

Rujukan :

Laman Web JTKSM : Garis Panduan Berhubung Prosedur Pelesenan Di Bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] Bertarikh 15 Januari 2018

Laman Web JTKSM : Senarai APS Berlesen Sehingga Mac 2022

Jabatan Perangkaan Malaysia: Laporan Tenaga Buruh Malaysia, Mac 2022

Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Pindaan 2017) [Akta 246]





JABATAN TENAGA KERJA
SEMANANJUNG MALAYSIA

OPERASI JTK NEGERI-NEGERI



Jabatan Tenaga Kerja
Semenanjung Malaysia Rasmi



<https://jtksm.mohr.gov.my/>